



**PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN PENDIDIKAN KEBANGSAAN
NATIONAL PROFESSIONAL QUALIFICATION FOR EDUCATIONAL LEADERS
(NPQEL)**

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Syarat Umum

- (a) Telah **disahkan dalam perkhidmatan**;
- (b) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu **sekurang-kurangnya 85%** berdasarkan wajaran Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT)/Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) **tiga (3) tahun terakhir**;
- (c) **Bebas daripada tindakan tatatertib**;
- (d) Telah **mengisytiharkan harta** dalam tempoh **tidak melebihi lima (5) tahun**;
- (e) **Bebas daripada senarai Peminjam Tegar** Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (f) **Diperakukan** oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

Syarat Khusus

- (a) Telah dinaikkan pangkat ke **Gred DG48 (bagi calon Pengetua) atau Gred DG32/DG34 (bagi calon Guru Besar) atau sekurang-kurangnya lima (5) tahun di Gred DG29 bagi calon Guru Besar SKM(B)** untuk urusan penempatan pemangkuan;
- (b) Mempunyai pengkhususan dalam bidang tertentu:
 - Pengetua: Bidang Umum/Teknikal/Pendidikan Islam;
 - Guru Besar: Bidang Umum/Cina/Tamil;
- (c) Mempunyai **pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun** berkhidmat sebagai Guru Kanan Mata Pelajaran/Penolong Kanan (termasuk Penolong Kanan yang dilantik secara pentadbiran di SKM(B)/jawatan-jawatan pentadbiran di PPD/JPN/Bahagian/Institut Aminuddin Baki/Institut Pendidikan Guru/Kolej Matrikulasi);
- (d) Mempunyai **baki tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya lima (5) tahun** sebelum bersara bagi penempatan ke jawatan PGB (tertakluk kepada tarikh kekosongan); dan
- (e) **Melepasi tahap kesihatan yang memuaskan** (Perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2013).